

07 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Ristina)

DR RISTINA HALANG AZIZAN DAN UMMI SERAH DIRI

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Dr Ristina Majid telah menghalang Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar, yang membuat dakwaan salah laku seks terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, keluar dari rumahnya dan menyerah diri kepada polis, mahkamah tinggi di sini diberitahu hari ini.

Azizan, 38, bekas pemandu peribadi isteri Anwar berkata beliau dan Ummi ingin keluar dari rumah Dr Ristina dan menyerah diri semasa dikepung oleh polis pada 17 Ogos 1997, tetapi wanita itu tidak membenarkan mereka berbuat demikian.

Saksi ke-12 pada perbicaraan kes rasuah Anwar itu berkata, Dr Ristina juga telah memberitahu beliau dan Ummi bahawa polis ada menghubunginya melalui telefon dan memberitahu polis ingin menahan mereka.

"Dr Ristina juga mengatakan kepada saya yang polis tidak berpakaian seragam ingin menahan saya dan Ummi. Mungkin mereka menyebelahi Anwar, lalu Dr Ristina mengarahkan saya dan Ummi agar tidak keluar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika disoal balas oleh peguam Christopher Fernando yang mewakili Anwar.

Anwar, 51, menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya, mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970.

Jika sabit kesalahan, bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan itu boleh dihukum penjara sehingga 14 tahun atau didenda RM20,000 atau kedua-duanya.

Apabila ditanya kenapa beliau dan Ummi tidak membenarkan polis masuk ke dalam rumah dan menahan mereka, Azizan berkata; "Pada masa itu, kami hanyalah tetamu Dr Ristina dan Dr Ristina merasa curiga sama ada mereka dari pihak polis yang sebenar."

Azizan memberitahu mahkamah bahawa beliau dan Ummi duduk di rumah Dr Ristina selama dua malam sebelum mereka ditahan polis.

Beliau berkata, mereka duduk di rumah berkenaan kerana takut selepas diikuti oleh beberapa orang yang tidak dikenali dan yang mereka syaki adalah orang-orang suruhan Anwar.

Kepada soalan lain, Azizan berkata Dr Ristina tidak menyatakan bahawa beliau akan melindungi Azizan dan Ummi yang sedang ketakutan ketika itu selepas melihat kehadiran polis yang ramai.

Azizan berkata beliau tidak pasti sama ada Dr Ristina ada menelefon orang lain dan menyatakan bahawa beliau dan Ummi berada di rumahnya sepanjang dua hari mereka berada di rumahnya.

Beliau berkata selepas menyerah diri, polis telah membawa beliau dan Ummi turun dari rumah melalui tangga yang terletak di balkoni rumah Dr Ristina dan mereka telah dibawa ke ibu pejabat polis di Bukit Aman.

Azizan memberitahu mahkamah bahawa beliau mengenali Dr Ristina setelah wanita itu diperkenalkan kepadanya oleh Ummi di rumah keluarga Ummi di Klang Gate pada bulan Ogos 1997.

Katanya, beliau tidak berbincang dengan Dr Ristina mengenai kejadian liwat yang menimpanya dan sebarang perbincangan hanya dilakukan oleh Ummi dan Dr Ristina sahaja.

Azizan berkata beliau hanya memaklumkan kepada Dr Ristina mengenai surat pengakuan bersumpah yang ditandatangani untuk dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, beliau tidak tahu kenapa Ummi mahu beliau berjumpa dengan Dr

Ristina tetapi pada fikirannya, Ummi mungkin telah menceritakan bahawa Anwar telah meliwatnya pada masa itu.

Pada peringkat ini, Fernando telah mengingatkan Azizan bahawa jika beliau didapati berbohong semasa memberi keterangan, beliau boleh didakwa kerana melakukan sumpah bohong.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail membantah tindakan Fernando dengan alasan bahawa soalan Fernando yang berulang-ulang itu seolah-olah "ugutan dan gangguan" terhadap saksi itu.

Bagaimanapun, Fernando berkata, beliau menyoal saksi itu sekali lagi untuk memberikan peluang kepada Azizan untuk menjawab soalan yang dikemukakan kepadanya.

Bagaimanapun, Azizan tetap memberikan jawapan yang sama, menyebabkan Fernando bertanya; "Adakah awak bermaksud untuk menyatakan bahawa awak pergi begitu jauh ke Klang Gate, dengan tujuan menemui Dr Ristina dan awak tidak membincangkan apa-apa?"

Azizan: Ya, saya tidak berbincang apa-apa dengannya.

Fernando: Azizan, saya katakan kepada awak, awak pembohong besar, awak berbohong tanpa rasa malu.

Azizan: Saya tidak berbohong, Yang Arif. Apa yang saya katakan adalah benar.

Fernando: Awak telah mengatakan tadi bahawa Ummi telah menyuruh awak datang ke Klang Gate tetapi awak tidak bincangkan apa-apa dengannya.

Pada peringkat ini, Abdul Gani membantah soalan itu dengan alasan bahawa pihak pembela masih belum membuktikan bahawa Ummi memanggil Azizan ke rumahnya untuk berbincang dengan Dr Ristina.

Bagaimanapun, Hakim Datuk S. Augustine Paul yang mendengar kes itu membenarkan soalan Fernando dan Azizan telah menjawab; "Ya".

Perbicaraan sesi pagi yang bermula pada pukul 9.20 pagi dihentikan untuk makan tengah hari.

-- BERNAMA

SBB NMO